



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry Of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072
Faks : 03-8889 5124
Laman web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/1 JLD. 2 (46)
Tarikh : 12 Januari 2023

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KAMUS DATA DI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 22 Tahun 2022 bertarikh 3 Januari 2023 telah meluluskan Garis Panduan dan Pelaksanaan Kamus Data di Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Kamus data adalah kumpulan nama, definisi, hubungan dan atribut untuk elemen data dan model. Data dalam kamus data adalah metadata mengenai pangkalan data. Kamus data KPM dibangunkan untuk mendokumenkan definisi data-data yang digunapakai oleh KPM untuk membangunkan aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan pengurusan dan pengoperasian sistem pendidikan negara. Ia mengandungi keterangan ringkas entiti data, nama dan saiz elemen data dan juga jenis medan.
3. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan dan penggunaan Kamus Data KPM amat kritikal untuk menyelesaikan isu yang melibatkan struktur data KPM. Kamus data yang standard akan memastikan perkongsian data yang lebih efisien antara bahagian di bawah KPM. Garis panduan ini amat penting dan relevan sebagai rujukan utama kepada setiap warga KPM dalam pengoperasian pelaksanaan dasar untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pengurusan data KPM di peringkat Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian KPM.
4. Bersama-sama surat ini disertakan lampiran 'Garis Panduan dan Pelaksanaan Kamus Data KPM' yang mengandungi objektif, prinsip panduan pembangunan Kamus Data KPM, tadbir urus Kamus Data KPM, permohonan perubahan Kamus Data KPM, panduan penggunaan Kamus Data KPM, dan pindaan dan kemas kini.

5. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ tuan/ puan.

Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KAMUS DATA KPM

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
SENARAI RAJAH	3
AKRONIM	4
TUJUAN	5
LATAR BELAKANG	5
TAKRIFAN	6
OBJEKTIF	7
TADBIR URUS KAMUS DATA KPM	7
JAWATANKUASA KERJA KAMUS DATA	8
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	8
PERMOHONAN PERUBAHAN KAMUS DATA KPM	9
PANDUAN PENGGUNAAN KAMUS DATA KPM	9
PINDAAN DAN KEMAS KINI	9
MAKLUMAT LANJUT	9
PENUTUP	10

SENARAI RAJAH

RAJAH

TAJUK

1

STRUKTUR TADBIR URUS KAMUS DATA KPM

AKRONIM

BPM	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
BPPDP	BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
DDSA	<i>DATA DICTIONARY</i> SEKTOR AWAM
JKITP	JAWATANKUASA TEKNIKAL PROJEK PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT
JKKD	JAWATANKUASA KAMUS DATA KPM
JKKP	JAWATANKUASA KAWALAN PERUBAHAN BPM
JPITP	JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT
JPMK	JAWATANKUASA PENGURUSAN MAKLUMAT KEMENTERIAN
JPN	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
KPM	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PPD	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua bahagian, jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan negeri (PPD) tentang tatacara penggunaan Kamus Data KPM.

LATAR BELAKANG

2. KPM merupakan pemilik data pendidikan yang terdiri daripada data murid, guru, sekolah serta maklumat prestasi pendidikan negara. Data tersebut digunakan secara menyeluruh merentasi bahagian bawah KPM, agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

3. KPM mempunyai pelbagai data pendidikan yang digunakan oleh lebih daripada 239 aplikasi KPM. Kebanyakan aplikasi tersebut menggunakan pangkalan data yang berasingan dan menyebabkan berlaku pertindihan data.

4. Ketiadaan standard atau model data dalam pembangunan sistem aplikasi telah menyebabkan struktur data yang berbeza dan tidak seragam seterusnya merumitkan pengintegrasian serta perkongsian data.

5. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan dan penggunaan Kamus Data KPM amat kritikal untuk menyelesaikan isu yang melibatkan struktur data KPM. Kamus Data yang standard dapat memastikan perkongsian data yang lebih efisien antara bahagian bawah KPM.

TAKRIFAN


6. Takrifan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:
- (i) **Kamus Data** ialah kumpulan nama, definisi, hubungan dan atribut untuk elemen data dan model. Data dalam kamus data adalah metadata mengenai pangkalan data. Kamus Data KPM dibangunkan untuk mendokumenkan semua definisi data yang diguna pakai oleh KPM dalam pembangunan semua aplikasi serta sistem yang berkaitan dengan pengurusan data dan maklumat. Kamus tersebut mengandungi keterangan ringkas entiti data, nama dan saiz elemen data dan juga jenis medan.
 - (ii) **Model Data** (atau data model) merupakan model abstrak yang menyusun unsur-unsur data dan menyeragamkan bagaimana data ini saling berkait. Model Data KPM merangkumi tiga domain utama, iaitu model data bagi Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan.
 - (iii) **Meta data** merujuk kepada maklumat dan dokumentasi data terurus yang mengandungi deskripsi mengenai konteks atau ciri data tersebut. Meta data digunakan untuk memudahkan pemahaman, mengenali sifat dan mengurus penggunaan data.
 - (iv) **Pengguna** merujuk kepada bahagian, JPN dan PPD yang menggunakan sistem di KPM dan akan memaklumkan ralat ke atas kamus data KPM.

OBJEKTIF

7. Objektif pelaksanaan Kamus Data KPM adalah seperti yang berikut:
- (i) sebagai rujukan kepada bahagian KPM, JPN dan PPD agar perkongsian data dapat dilaksanakan secara menyeluruh di KPM;
 - (ii) memastikan keseragaman definisi data yang diguna pakai oleh bahagian KPM, JPN, PPD dan semua institusi pendidikan KPM; dan
 - (iii) memberikan gambaran dan kefahaman yang jelas mengenai penggunaan data semasa KPM dan potensi data KPM dari perspektif bisnes dan teknikal.

TADBIR URUS KAMUS DATA KPM

8. Struktur Tadbir Urus Kamus Data adalah seperti Rajah A:



Rajah A : Struktur Tadbir Urus Kamus Data KPM

9. Tadbir Urus Kamus Data menggunakan Jawatankuasa Pemandu Projek Pelaksanaan Transformasi ICT, Jawatankuasa Teknikal Projek Pelaksanaan Transformasi ICT dan Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Kementerian (JPMK) sebagai platform untuk pelaporan status penggunaan, pindaan atau hala tuju Kamus Data KPM.

JAWATANKUASA KERJA KAMUS DATA

10. Terma Rujukan dan Keahlian bagi Jawatankuasa Kerja Kamus Data (JKKD) KPM boleh didapati dalam **Lampiran A**.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

11. Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (BPPDP)

- (i) Memantau dan memastikan definisi data yang terkandung di dalam Kamus Data ini sentiasa relevan selari dengan kehendak pengguna.
- (ii) Menambah baik definisi data dalam Kamus Data ini selari dengan kehendak dan keperluan pengguna di KPM
- (iii) Memantau, menyelaraskan dan memastikan semua pemilik data agar sentiasa mengemas kini maklumat berkenaan kod yang digunakan di KPM.

12. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

- (i) Memastikan dan memantau penggunaan Kamus Data KPM dalam pembangunan aplikasi baharu di KPM oleh BPM.

13. Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

- (i) membuat permohonan rujukan atau perubahan ke atas kamus data KPM kepada BPPDP; dan
- (ii) memaklumkan ralat ke atas kamus data KPM kepada BPPDP.

PERMOHONAN PERUBAHAN KAMUS DATA KPM

14. Sebarang permohonan perubahan kamus data KPM hendaklah dirujuk kepada Carta Alir Permohonan Perubahan Kamus Data KPM seperti **LAMPIRAN B**.

PANDUAN PENGGUNAAN KAMUS DATA KPM

15. Bagi penggunaan kamus data yang merangkumi domain dan dimensi dalam Kamus Data KPM hendaklah merujuk kepada Panduan Penggunaan Kamus Data KPM seperti **LAMPIRAN C**.

PINDAAN DAN KEMAS KINI

16. Garis panduan ini adalah tertakluk pada semakan dan pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan dan kepentingan sosial.

MAKLUMAT LANJUT

17. Sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan Kamus Data ini boleh dikemukakan kepada :

Urus setia

Jawatankuasa Kerja Kamus Data KPM (JKKD)

Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

No. Telefon : 03-88846549

E-mel : urussetia.jkkd@moe.gov.my

PENUTUP

18. Semua bahagian, Jabatan dan Institusi KPM yang terlibat hendaklah mematuhi garis panduan ini apabila menggunakan Kamus Data KPM.

**JAWATANKUASA KERJA KAMUS DATA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jawatankuasa Kerja Kamus Data (JKKD) KPM dibentuk untuk mengurus kamus data KPM dengan teratur dan jelas mengambil kira kepentingan data bisnes KPM secara menyeluruh.

TERMA RUJUKAN

1. Menerima, menimbangkan dan meluluskan permohonan perubahan Kamus Data KPM.
2. Menyemak keperluan bisnes agensi berdasarkan permohonan perubahan.
3. Mengenal pasti data yang diperolehi, disimpan dan diurus dalam KPM.
4. Melaporkan status perubahan kamus data kepada Jawatankuasa Pemandu Projek Pelaksanaan Transformasi ICT

SENARAI KEAHLIAN

Pengerusi:

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ahli Tetap:

Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
2. Bahagian Pengurusan Maklumat
3. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
5. Bahagian Pembangunan Kurikulum
6. Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknik Vokasional
7. Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Bahagian Matrikulasi
9. Bahagian Profesionalisme Guru
10. Institut Aminuddin Baki

Ahli Jawatankuasa

11. Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

12. Bahagian Pendidikan Khas
13. Bahagian Pendidikan Swasta
14. Bahagian Pendidikan Islam
15. Bahagian Pembangunan
16. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
17. Jemaah Nazir
18. Lembaga Peperiksaan
19. Unit Data Raya, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
20. Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU

Urus setia :

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia


KEHADIRAN MESYUARAT

Mesyuarat jawatankuasa ini adalah sah dilaksanakan dengan kehadiran sekurang-kurangnya **5 orang** ahli tetap tidak termasuk Pengerusi.

KEKERAPAN MESYUARAT

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun atau mengikut keperluan.

CARTA ALIR PERMOHONAN PERUBAHAN KAMUS DATA KPM



PANDUAN PENGGUNAAN MODEL DATA DAN KAMUS DATA KPM

OBJEKTIF PEMBANGUNAN MODEL DATA KPM

Pembangunan model data ini adalah salah satu inisiatif yang telah dirancang di dalam Pelan Transformasi ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah dibangunkan pada 2018.

Inisiatif yang diklasifikasikan sebagai Inisiatif A1 ini adalah sebahagian daripada usaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KPM untuk menambah baik pengurusan data dan maklumat di KPM. Antara objektif utama inisiatif ini adalah seperti berikut:

- i. Membantu proses perkongsian data yang lebih efisien di antara bahagian dan jabatan di Kementerian.
- ii. Menyeragamkan reka bentuk pangkalan data bagi aplikasi-aplikasi yang akan dibangunkan oleh KPM berdasarkan Pelan Transformasi ICT Kementerian.
- iii. Menyeragamkan definisi data-data yang diguna pakai oleh pengguna di Kementerian.

SKOP MODEL DATA KPM

Pembangunan model data KPM merangkumi dua (2) skop utama seperti berikut:

- i. Pembangunan Model Data KPM merangkumi tiga (domain) utama iaitu Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan.
- ii. Pembangunan Kamus Data KPM

PRINSIP PANDUAN PEMBANGUNAN MODEL DATA DAN KAMUS DATA KPM

Pembangunan Model Data KPM berdasarkan kepada prinsip panduan berikut:

- i. Model Data dibangunkan untuk memberi gambaran jelas berkenaan data-data yang diambil oleh KPM untuk mengurus operasi Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan.
- ii. Model Data memberi tumpuan kepada data-data yang boleh digambarkan melalui *Entity Relationship Model*.
- iii. Model Data KPM terbahagi kepada empat (4) komponen utama iaitu Domain, Dimensi, Entiti dan Atribut.
- iv. Model Data KPM menggunakan komponen Domain dan Dimensi untuk membolehkan model data ini diperluas dan berkembang (*scalable*) untuk memenuhi keperluan bisnes KPM pada masa hadapan.
- v. Model Data KPM menggunakan kod warna yang berbeza untuk menjelaskan skop setiap entiti di dalam model data.
- vi. Model Data KPM dibangunkan berdasarkan *Business Capability Model* KPM seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan Transformasi ICT KPM. Pembangunan model data ini tidak mengambil kira kepada proses pengoperasian yang terlibat di dalam KPM dalam menguruskan operasi Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan. Sebaliknya, model ini mentakrifkan secara menyeluruh, data-data yang diperlukan oleh KPM dalam menguruskan operasi yang membabitkan Pelajar, Pengajar serta Institusi Pendidikan.
- vii. Kamus Data KPM dibangunkan untuk menyeragamkan penggunaan data elemen dan kod data bagi pembangunan aplikasi baharu di KPM. Untuk tujuan ini, Kamus Data mengguna pakai Kamus Data Sektor Awam (DDSA) untuk kod generik dan kod umum.

PEMBANGUNAN MODEL DATA KPM

Model Data yang dibangun menerusi Inisiatif A1 ini merangkumi tiga (3) domain utama iaitu model data bagi Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan.

Model Data Pelajar (Murid) memberi tumpuan terhadap data-data berkenaan pelajar-pelajar yang mengikuti sistem Pendidikan yang diuruskan oleh KPM. Model Data Pengajar (Guru) menjurus kepada data-data yang memberi gambaran tentang profil, sejarah dan kepakaran Pengajar. Model Data Institusi Pendidikan pula menjurus kepada data-data yang memberi gambaran berkenaan profil, sejarah dan operasi Institusi Pendidikan dari peringkat pra-sekolah hingga menengah.

i. Model Data Konseptual KPM

Model Data Konseptual KPM dibangun untuk memberi takrifan yang lengkap terhadap model data bagi domain Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan. Model Data Konseptual KPM dibangun dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat. Ia memberi gambaran keseluruhan skop data yang digunakan dan dikongsi dalam KPM.


ii. Model Data Logikal

Model Data Logikal KPM dibangun berdasarkan Model Data Konseptual untuk memberikan gambaran lebih lengkap berkenaan arkitektur data di KPM, terutamanya untuk domain Pelajar (Murid), Pengajar (Guru) dan Institusi Pendidikan. Perbezaan di antara Model Data Konseptual dan Model Data Logikal adalah seperti berikut:

- a. Model Data Logikal memberikan gambaran yang lebih lengkap berkenaan arkitektur data. Ianya dibangun bersama dengan senarai lengkap atribut yang mentakrifkan ciri-ciri setiap entiti data.
- b. Model Data Logikal juga mentakrifkan hubungan antara setiap entiti menggunakan notasi yang standard.

Rajah 1 menunjukkan pembangunan dan terjemahan dari Model Data Konseptual ke Model Data Logikal. Berdasarkan **Rajah 1**, perbezaan terbesar antara Model Data Konseptual dan Logikal adalah penambahan atribut. Kedua Model Data Logikal dan Konseptual adalah penting sebagai pelan untuk pembangunan sistem baharu.

Model Data Logikal kemudiannya diterjemahkan ke dalam bentuk Kamus Data untuk kebolehbacaan yang lebih baik dan untuk penyimpanan/pengumpulan definisi dan meta data setiap atribut/entiti.



Rajah 1 Terjemahan Model Data Logikal dari Model Data Konseptual


PEMBANGUNAN KAMUS DATA KPM

Kamus Data KPM dibangun untuk mendokumentasikan definisi data yang digunakan oleh KPM untuk membangunkan aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan pengurusan dan pengoperasian KPM. Kamus Data mengandungi:

- i. Keterangan ringkas entiti data
- ii. Nama elemen data (Atribut)
- iii. Saiz elemen data (Saiz medan)
- iv. Jenis medan (Jenis Data)

Kamus Data KPM juga menetapkan kod data yang selaras dan standard bagi elemen-elemen tertentu untuk digunakan dalam pembangunan aplikasi baharu di KPM. Kod Data Standard ini merangkumi jenis kod data berikut:

- i. Kod Umum – Kod data standard bagi kategori ini merangkumi kod standard yang diambil dari Kamus Data Sektor Awam (DDSA). Sebagai contoh, kod jantina, kod negara, kod agama, kod kaum dan kod warganegara.
- ii. Kod Generik Pendidikan – Kod Generik Pendidikan merangkumi kod standard yang digunakan oleh lebih dari satu (1) domain di dalam Model Data Pendidikan. Contohnya kod sekolah.
- iii. Kod Spesifik Pelajar – Kod Spesifik Pelajar merujuk kepada kod standard yang digunakan oleh Domain Pelajar di dalam Model Data Pendidikan. Contohnya kod pelajar, kod mata pelajaran, kod kokurikulum dan kod sukan.
- iv. Kod Spesifik Pengajar – Kod Spesifik Pengajar merujuk kepada kod standard yang digunakan oleh Domain Pengajar di dalam Model Data Pendidikan. Contohnya Kod Perjawatan, Kod Gaji dan Kod Jenis Guru.
- v. Kod Spesifik Institusi Pendidikan – Kod Spesifik Institusi Pendidikan merujuk kepada kod standard yang digunakan oleh Domain Institusi Pendidikan di dalam Model Data Pendidikan. Contohnya Kod Jenis Sekolah, Kod Jenis Asrama dan Kod Aset.



Model Data Logikal


1.2. Profil Lain

1.2.1. Pelajar Warga Asing

Domain	PELAJAR			
Dimensi	PROFIL LAIN			
Entiti	PELAJAR_WARGA_ASING			
Hubungan	• PELAJAR (1:1)			
Maklumat tambahan merujuk kepada pelajar warga asing yang belajar di Malaysia				
Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Saiz Medan	Catatan
ID_PELAJAR_WARGA_ASING	Nombor siri bagi entiti pelajar warga asing di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key. Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)
NO_RESIT_FI	Nombor resit bayaran fi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	
NO_KELULUSAN_JPN	Nombor kelulusan surat rasmi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	

Kamus Data

Rajah 2 Pembangunan Kamus Data dari Model Data Logikal - Domain



Model Data Logikal

1.2. Profil Lain


1.2.1. Pelajar Warga Asing

Domain	PELAJAR
Dimensi	PROFIL LAIN
Entiti	PELAJAR_WARGA_ASING
Hubungan	• PELAJAR (1:1) Maklumat lambaian merujuk kepada pelajar warga asing yang belajar di Malaysia

Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Saiz Medan	Catatan
ID_PELAJAR_WARGA_ASING	Nombor siri bagi entiti pelajar warga asing di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key. Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)
NO_RESIT_FI	Nombor resit bayaran fi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	
NO_KELULUSAN_JPN	Nombor kelulusan surat rasmi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	

Kamus Data

Rajah 3 Pembangunan Kamus Data dari Model Data Logikal - Dimensi



Model Data Logikal


1.2. Profil Lain

1.2.1. Pelajar Warga Asing

Domain	PELAJAR				
Dimensi	PROFIL LAIN				
Entiti	PELAJAR_WARGA_ASING		Keterangan Entiti	Maklumat tambahan menunjuk kepada pelajar warga asing yang belajar di Malaysia	
Hubungan	• PELAJAR (1:1)				
Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Saiz Medan	Catatan	
ID_PELAJAR_WARGA_ASING	Nombor sin bagi entiti pelajar warga asing di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key, Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)	
NO_RESIT_FI	Nombor resit bayaran fi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10		
NO_KELULUSAN_JPN	Nombor kelulusan surat rasmi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10		

Kamus Data

Rajah 4 Pembangunan Kamus Data dari Model Data Logikal - Entiti & Atribut



Model Data Logikal

Kamus Data

Rajah 5 Pembangunan Kamus Data dari Model Data Logikal - Hubungan


1.2. Profil Lain

1.2.1. Pelajar Warga Asing

Domain	PELAJAR				
Dimensi	PROFIL LAIN				
Entiti	PELAJAR_WARGA_ASING	Keterangan Entiti		Maklumat tambahan merujuk kepada pelajar warga asing yang belajar di Malaysia	
Hubungan		• PELAJAR (1:1)			
Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Saiz Medan	Catatan	
ID_PELAJAR_WARGA_ASING	Nombor siri bagi entiti pelajar warga asing di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key. Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)	
NO_RESIT_FI	Nombor resit bayaran fi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10		
NO_KELULUSAN_JPN	Nombor kelulusan surat rasmi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10		

Rajah 2 hingga **5** menggambarkan terjemahan Model Data Logikal kepada Kamus Data KPM. **Rajah 2** merujuk kepada terjemahan Domain, **Rajah 3** kepada terjemahan Dimensi, **Rajah 4** kepada terjemahan Entiti dan Atribut dan **Rajah 5** kepada terjemahan Hubungan.

Kandungan Kamus Data yang tidak digambarkan di dalam Model Data adalah Keterangan Entiti, Keterangan Atribut, Jenis Data, Saiz Medan dan *Data Lookup*.



Rajah 6 Butiran Kandungan Kamus Data KPM

Rajah 6 menunjukkan semua definisi kepada istilah yang digunakan dalam Kamus Data KPM. Antaranya ialah:

- Domain – Komponen paling tinggi di dalam Model Data KPM.
- Dimensi – Ciri-ciri utama sebuah domain.
- Entiti – *Cluster* data yang menggambarkan individu, tempat atau peristiwa di mana data diperoleh.
- Atribut – Elemen data sebenar di dalam sesuatu entiti.
- Hubungan – Hubungan di antara entiti (Contoh: Seorang guru mempunyai ramai murid [1:M])

1.2. Profil Lain

1.2.1. Pelajar Warga Asing

Domain	PELAJAR			
Dimensi	PROFIL LAIN			
Entiti	PELAJAR_WARGA_ASING	Keterangan Entiti	Maklumat tambahan merujuk kepada pelajar warga asing yang belajar di Malaysia	
Hubungan	• PELAJAR (1:1)			

Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Saiz Medan	Catatan
ID_PELAJAR_WARGA_ASING	Nombor siri bagi entiti pelajar warga asing di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key. Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)
NO_RESIT_FI	Nombor resit bayaran fi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	
NO_KELULUSAN_JPN	Nombor kelulusan surat rasmi yang dikeluarkan oleh JPN, bagi pelajar bukan warganegara	VARCHAR	10	

Rajah 7 Kandungan Kamus Data yang tiada di dalam Model Data

Rajah 7 memaparkan contoh bagaimana Kamus Data KPM memaparkan keterangan berkenaan setiap atribut untuk satu entiti data dan keterangan setiap elemen di dalam Jadual yang disediakan. Keterangan Atribut dan Entiti hendaklah dipersetujui semua Bahagian yang terlibat dalam penggunaan/pembinaan sistem di dalam KPM. Keterangan ini akan memberi penjelasan kepada entiti atau atribut yang ada di dalam Kamus Data yang telah dibangunkan.

Jenis Data dan Saiz Medan akan digunakan oleh pasukan teknikal ketika merangka pelan pembangunan sistem. Saiz Medan juga perlu dipersetujui oleh semua Bahagian sekiranya ada apa-apa perubahan kerana ia perlu diseragamkan untuk membolehkan penggunaan kod atau key yang sama sekiranya ada integrasi antara sistem.

Jadual 1 menunjukkan definisi jenis data yang digunakan dan contoh saiz medan yang boleh didapati di dalam Kamus Data KPM.

Jenis Data

Jadual 1 Definisi Jenis Data

Jenis Data	Saiz (contoh)	Medan	Definisi <i>Input</i>
Boolean	True / False Ya/Tidak		Digunakan untuk medan seperti Taraf Bumiputera di mana jawapan hanyalah 'Ya' atau 'Tidak'.
Char			• Boleh menerima abjad, nombor, simbol sehingga 255 aksara. • Selalunya digunakan apabila input yang diterima mempunyai panjang yang konsisten/sama. • Contoh kegunaan: Nombor kad pengenalan, kod sekolah, nombor sijil lahir.
Date	DD-MM-YYYY		• Tarikh. • Format ada di bahagian catatan dalam Kamus Data.
Decimal/ Float	(13,2) e.g: 13453343.46		• Digit. • Boleh menyokong sehingga 13 digit (termasuk) perpuluhan dengan ketepatan 2 tempat perpuluhan.
Integer	13		Digit, tanpa nombor perpuluhan.
Text			• Jenis data yang menggunakan abjad, nombor, simbol sehingga 65535 aksara. • Lazimnya digunakan untuk nama, keterangan, abstrak atau input yang tidak ditentukan kepanjangan.
Varchar			• Jenis data yang boleh ditetapkan dari 1 hingga 65535 aksara dengan menggunakan abjad, nombor dan simbol. • Jenis Data paling biasa digunakan untuk semua jenis input.
Year	2010		Hanya menerima tahun.

1.3. Profil Pendidikan

1.3.1. Pra Sekolah

Domain	PELAJAR			
Dimensi	PROFIL PENDIDIKAN			
Entiti	PRA_SEKOLAH	Keterangan Entiti	Maklumat mengenai pra-sekolah yang dihadiri oleh pelajar sepanjang tempoh pendidikan	
Hubungan	• PELAJAR (1:1)			
Attribut	Keterangan Attribut	Jenis Data	Salah Medan	Catatan
ID_PRA_SEKOLAH	Nombor seri bagi entiti pra-sekolah yang dihadiri oleh individu di dalam sistem	VARCHAR	10	Primary Key. Nombor ID dijana oleh sistem Contoh (1001FE8A9C)
KATEGORI_PRA_SEKOLAH	Kategori pra-sekolah yang dihadiri oleh pelajar	VARCHAR	2	Rujuk Kod Kategori Pra-Sekolah
NAMA_INSTITUSI	Nama institusi pendidikan yang dihadiri oleh pelajar	VARCHAR	150	
TARIKH_MULA	Tarikh pelajar memulakan pengajian di institusi pendidikan	DATE	-	Format Data: DD-MM-YYYY

5.18. Kod Kategori Pra-Sekolah

Pemilik Kod	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kod	Keterangan
01	GENIUS KURNIA
02	GENIUS NEGARA
03	TABIKA PERPADUAN
04	TABIKA KEMAS

Rajah 8 Contoh Kod Lookup

Kamus Data KPM juga mendokumentasikan senarai lengkap kod-kod yang digunakan sebagai rujukan berserta keterangan ringkas untuk menerangkan definisi kod tersebut.

Bab 4 hingga 8 Kamus Data merangkumi *reference* data yang digunakan oleh semua sistem atau Bahagian di dalam KPM.

Bab 4 mengumpulkan kod generik yang diambil dari Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) atau mana-mana pihak luar.

Bab 5 mengumpulkan kod generik khas yang digunakan oleh KPM, tetapi boleh digunakan oleh lebih dari satu (1) domain. Sebagai contoh, kod Kelab & Persatuan boleh digunakan oleh kedua domain Pelajar (Murid) dan Institusi Pendidikan.

Bab 6 mengumpulkan kod spesifik yang hanya digunakan oleh Domain Pelajar (Murid). Domain Pelajar (Murid) menggunakan 44 *lookup table*.


Bab 7 mengumpulkan kod spesifik yang hanya digunakan oleh Domain Pengajar (Guru). Domain Pengajar (Guru) menggunakan 54 *lookup table*.

Bab 8 mengumpulkan kod spesifik yang hanya digunakan oleh Domain Institusi Pendidikan. Domain Institusi Pendidikan menggunakan 159 *lookup table*.

Rajah 8 menunjukkan cara kod boleh didapati di dalam Kamus Data KPM. Berdasarkan rajah tersebut, nama kod akan diletakkan di dalam ruang Catatan. Pengguna boleh mencari kod berdasarkan nama yang telah ditulis, dan sekiranya

pengguna menggunakan Kamus Data format *softcopy (pdf)*, pengguna boleh menekan perkataan kod yang ditulis dan akan dibawa terus kepada muka surat yang menyimpan kod tersebut.

PENERANGAN KANDUNGAN MODEL DATA DAN KAMUS DATA



Berdasarkan Rajah 1, peringkat tertinggi Kamus Data ialah Domain. Dalam sesuatu domain, terdapat Dimensi dan Entiti. Setiap Entiti mengandungi Atribut. Butiran seperti di bawah:

- Pelajar – 10 dimensi, 43 entiti data
- Pengajar – 13 dimensi, 67 entiti data
- Institusi Pendidikan – 17 dimensi, 79 entiti data

Pemodelan data digambarkan seperti berikut:

Domain Pelajar

Jadual 2 Keterangan Dimensi Domain Pelajar

No	Dimensi	Keterangan
1	Data Pelajar	Maklumat peribadi pelajar yang belajar di Institusi Pendidikan di Malaysia
2	Profil Lain	Dimensi Profil Lain merujuk kepada data pelajar selain dari maklumat peribadi. Entiti yang berada di dalam Profil Lain adalah seperti berikut: - Pelajar Warga Asing - Ibu-bapa/Penjaga - Maklumat Pasport - Adik-beradik - Pasangan

No	Dimensi	Keterangan
		f. Penjamin g. Tanggungan h. Waris i. Alumni
3	Profil Pendidikan	Dimensi Profil Pendidikan merujuk kepada data-data yang dikumpul untuk merekodkan maklumat institusi pendidikan yang dihadiri oleh pelajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Prasekolah b. Sekolah c. Lepas Menengah d. Pendidikan Tinggi e. Pusat Latihan
4	Pencapaian Akademik	Dimensi Pencapaian Akademik merujuk kepada rekod lengkap pencapaian akademik pelajar yang berada di dalam sistem pendidikan negara. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Peperiksaan Awam b. Ujian Sekolah c. Peperiksaan Antarabangsa d. Ujian Lepas Sekolah e. Ujian Pendidikan Tinggi f. Sijil g. Program Khas Akademik h. Projek Penyelidikan/Thesis i. Anugerah
5	Pencapaian Bukan Akademik	Dimensi Pencapaian Bukan Akademik merujuk kepada data-data yang merekodkan pencapaian bukan akademik setiap pelajar. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut:

No	Dimensi	Keterangan
		a. Sukan dan Permainan b. Kelab dan Persatuan c. Keahlian Profesional d. Badan Beruniform e. Ekstra Kurikulum
6	Disiplin	Dimensi Disiplin merujuk kepada data-data yang merekodkan maklumat amalan baik dan kesalahan disiplin pelajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Rekod Kehadiran b. Rekod Amalan Baik c. Rekod Disiplin
7	Pembangunan Kendiri	Dimensi Pembangunan Kendiri merujuk kepada data-data yang merekodkan maklumat pembangunan sendiri pelajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Kaunseling b. Profil Psikometrik
8	Biasiswa, Pinjaman & Bantuan	Dimensi ini merujuk kepada data-data yang merekodkan maklumat bantuan, biasiswa dan pinjaman yang diperolehi oleh pelajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Bantuan b. Biasiswa c. Pinjaman
9	Profil Pekerjaan	Dimensi Profil Pekerjaan merekodkan maklumat sejarah pekerjaan pelajar selepas menamatkan pendidikan. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut: a. <i>Internship</i> b. Latihan Amali c. Sejarah Pekerjaan d. <i>Graduate Employability</i>

No	Dimensi	Keterangan
10	Profil Kesihatan	Dimensi Profil Kesihatan merekodkan maklumat kesihatan pelajar yang berada di dalam sistem pendidikan negara. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Pelajar Berkeperluan Khas b. Rekod Kecergasan c. Rekod Kesihatan

Domain Pengajar

Jadual 3 Keterangan Dimensi Domain Pengajar

No	Dimensi	Keterangan
1	Profil Pengajar	Profil Pengajar merekodkan maklumat peribadi pengajar
2	Profil Peribadi / Lain	Profil Peribadi / Lain merekodkan maklumat-maklumat tambahan (selain dari data peribadi) pengajar. Entiti yang berada di dalam Profil Lain adalah seperti berikut: a. Profil Pasangan b. Maklumat Anak c. Rekod Pinjaman d. Ekspatriat e. Maklumat Waris
3	Peranan	Dimensi Peranan merekodkan data-data berkenaan peranan pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Kaunselor b. Jawatan c. Perunding d. Jurulatih e. Tugas Khas
4	Profil Perkhidmatan	Dimensi Profil Perkhidmatan merekodkan maklumat perkhidmatan pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Maklumat Kontrak b. Pergerakan Gred c. Elaun

No	Dimensi	Keterangan
		d. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) e. Maklumat Isytihar Harta f. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) g. Perkhidmatan h. Gaji i. Sejarah Penempatan j. Jawatan Kumpulan k. Rekod Cuti
5	Disiplin	Dimensi Disiplin merekodkan maklumat disiplin pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut: a. Salahlaku b. Rekod Disiplin c. Rekod Keberadaban d. Hukuman e. Surcaj f. Rayuan
6	Pembangunan Kompetensi	Dimensi Pembangunan Kompetensi merekodkan maklumat latihan yang dihadiri pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Latihan Profesional b. Latihan Kepimpinan
7	Inovasi	Dimensi Inovasi merekodkan maklumat inovasi yang dihasilkan oleh pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Paten b. Produk Komersial

No	Dimensi	Keterangan
		c. Lesen <i>Technology Know How</i> d. Lain-lain <i>Intellectual Property Rights</i>
8	Profil Mengajar	Dimensi Profil Mengajar merekodkan maklumat sejarah mengajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Permit Mengajar b. Pengalaman Mengajar c. Pengalaman Kerja
9	Kesihatan	Dimensi Kesihatan merekodkan maklumat/rekod kesihatan pengajar. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut: a. Profil Kesihatan b. Penyakit c. Orang Kurang Upaya (OKU) d. Profil Kecergasan
10	Penglibatan Bukan Akademik	Dimensi Penglibatan Bukan Akademik merekodkan maklumat aktiviti bukan akademik pengajar sepanjang tempoh perkhidmatan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Kelab / Persatuan b. Kejohanan c. Badan Beruniform d. Sukarelawan e. Sukan/Permainan
11	Pengiktirafan/Penulisan	Dimensi Pengiktirafan/Penulisan merekodkan maklumat berkenaan penulisan yang dihasilkan oleh pengajar serta anugerah yang dicapai. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Anugerah b. Jurnal

No	Dimensi	Keterangan
		c. Sumbangan d. Projek / Kajian e. Kertas Pembentangan f. Artikel / Jurnal g. Buku h. Penulisan Umum i. Prosiding
12	Kelayakan	Dimensi Kelayakan merekodkan maklumat kelayakan akademik pengajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Sijil Profesional b. Maklumat SKM c. Bahasa d. Kepakaran SME e. Opsyen Mengajar f. Pencapaian Bahasa Inggeris g. Kemahiran h. Maklumat Akademik i. Bidang Pengkhususan j. Ikhtisas
13	Pembangunan Kendiri	Dimensi Pembangunan Kendiri merujuk kepada data-data yang merekodkan maklumat pembangunan sendiri pengajar. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Sesi Kaunseling b. Klien Kaunseling c. Profil Psikometrik

Domain Institusi Pendidikan

Jadual 4 Keterangan Dimensi Domain Institusi Pendidikan

No	Dimensi	Keterangan
1	Institusi Pendidikan	Profil Institusi Pendidikan merekodkan maklumat institusi pendidikan di Malaysia
2	Profil Institusi	Dimensi Profil Institusi merekodkan maklumat berkenaan profil institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam Profil Lain adalah seperti berikut: a. Profil Am b. Lokasi c. Maklumat Hubungan d. Pentadbiran Institusi e. Maklumat Penubuhan f. Lembaga Pengelola Institusi g. Maklumat Syarikat Swasta h. MOU / MOA i. Alumni j. Lesen k. Sijil Perjawatan l. PIBG / PIBP
3	Sekolah Kerajaan / Swasta	Dimensi Sekolah Kerajaan / Swasta merekodkan maklumat berkenaan sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang berada di bawah pengurusan KPM. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Peringkat Prasekolah b. Peringkat Rendah c. Peringkat Menengah d. Peringkat Lepas Menengah e. Kombinasi Pelbagai Peringkat

No	Dimensi	Keterangan
4	Pendidikan Tinggi	Dimensi Pendidikan Tinggi merekodkan maklumat berkenaan institusi pendidikan tinggi (awam dan swasta) yang berada di bawah pengurusan KPM. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Universiti Awam b. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) c. Institusi Antarabangsa d. Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) e. Politeknik f. Kolej Komuniti g. Institut Latihan Khas (ILK)
5	Institut Latihan	Dimensi Institut Latihan merekodkan maklumat berkenaan institut latihan yang berada di bawah naungan KPM. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut: a. Institut Aminudin Baki (IAB) b. <i>English Language Training Centre</i> (ELTC) c. Pusat Latihan
6	Operasi dan Perkhidmatan	Dimensi Operasi dan Perkhidmatan merekodkan maklumat berkenaan operasi dan perkhidmatan sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Insiden b. Penyelenggaraan c. Kantin / Kafeteria d. Keselamatan e. Pembersihan f. Utiliti g. Stok

No	Dimensi	Keterangan
7	Aset Ketara	Dimensi Aset Ketara merekodkan maklumat berkenaan aset ketara sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Aset Alih (contohnya kereta atau bas) b. Aset Tak Alih (contohnya bangunan sekolah atau asrama)
8	Aset Tak Ketara	Dimensi Aset Tak Ketara merekodkan maklumat berkenaan aset tak ketara yang dipunyai oleh sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Harta Intelek b. Harta bukan Intelek
9	Maklumat Premis	Dimensi Maklumat Premis merekodkan maklumat-maklumat tambahan berkenaan persekitaran dan kemudahan yang terdapat di institusi pendidikan. Entiti data yang berada di dalam dimensi adalah seperti berikut: a. Kawasan b. Blok c. Ruang d. Aras e. Alat Bantu Mengajar f. Peralatan / Kenderaan g. Kemudahan OKU
10	Inspektorat	Dimensi Inspektorat merekodkan maklumat berkenaan aktiviti inspektorat yang dilaksanakan di sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Aduan b. Litigasi

No	Dimensi	Keterangan
		c. Risiko d. Pematuhan e. Siasatan
11	Pencapaian dan Pengiktirafan	Dimensi Pencapaian dan Pengiktirafan merekodkan maklumat berkenaan anugerah dan pengiktirafan yang dicapai oleh sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Pencapaian b. Pengiktirafan
12	Penyelidikan dan Penerbitan	Dimensi Penyelidikan dan Penerbitan merekodkan maklumat berkenaan aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang dibuat oleh sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Geran b. Penerbitan c. Pusat Kecemerlangan d. Pengkomersialan e. Kajian f. Langganan
13	Profil Kewangan	Dimensi Profil Kewangan merekodkan maklumat kewangan sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Maklumat Kewangan b. Bantuan c. Pembayaran d. Peruntukan e. Penerimaan
14	Profil Perniagaan	Dimensi Profil Perniagaan merekodkan maklumat berkenaan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh

No	Dimensi	Keterangan
		sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Maklumat Perniagaan b. Produk / Perkhidmatan
15	Maklumat Program Akademik	Dimensi Maklumat Program Akademik merekodkan maklumat berkenaan program akademik yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Program Pengajian Tinggi b. Kurikulum dan Program c. Jadual Waktu d. Kelas e. Mata Pelajaran dan Kursus
16	Program Bukan Akademik	Dimensi Maklumat Program Bukan Akademik merekodkan maklumat berkenaan program bukan akademik yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pendidikan. Entiti yang berada di dalam dimensi ini adalah: a. Sukan dan Permainan b. Badan Beruniform c. Kelab dan Persatuan d. Ekstra Kurikulum